



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 15 November 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Kaut untung jual minyak masak peket sebagai minyak terpakai

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Beli minyak masak bersubsidi dengan harga RM2.50 sepeket, kemudian dicampur dengan minyak masak terpakai dan dijual semula antara RM3 hingga RM3.80 sekilogram.

Itu modus operandi satu sindiket yang membeli minyak masak peket bersubsidi daripada syarikat pembungkus, kemudian dicampur dengan minyak masak terpakai sebelum dijual pada harga lebih tinggi di pasaran.

Taktik itu akhirnya berjaya dikecaskan pihak berkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) menerusi serbuan Op Tiris, Selasa lalu.

Bersambung di muka 2

Kaut untung jual minyak masak peket sebagai minyak terpakai

Dari muka 1

Operasi itu dijalankan secara berasingan di sebuah rumah di Taman Kajang Jaya, Kajang dan premis perniagaan di Bandar Rinching, Semenyih.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) berkata, serbuan sekitar pukul 12 tengah hari sehingga tengah malam itu dilakukan oleh pasukan penguatkuasa KPDN selepas menerima aduan awam.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas keduanya premis itu berjaya menemukan anggaran 14,340 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi pelbagai jenama yang telah dipotong bungkus dan disimpan di dalam tangki jenis IBC (intermediate bulk container) selain sebahagian yang masih belum dibuka.

"Serbuan pertama melibatkan sebuah kediaman yang disyaki telah dijadikan sebagai stor haram untuk menjalankan kegiatan memotong minyak masak peket 1kg bersubsidi dan dimasukkan ke dalam tong simpanan.

"Minyak masak yang telah dipotong dan dikumpul itu kemudiannya akan dihantar ke sebuah premis perniagaan yang membeli dan menjual minyak masak terpakai. Di situ, minyak masak berkenaan akan dicampur dengan minyak masak terpakai," katanya dalam sidang akbar di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, premis perniagaan itu disyaki berselindung di sebalik perniagaan membeli dan menjual minyak masak terpakai dengan menjadikannya sebagai lokasi pengumpulan dan pengedaran minyak masak tanpa lesen yang sah.

Jelasnya, minyak masak yang



ARMIZAN Mohd. Ali menunjukkan barang pemprosesan minyak masak bersubsidi yang dirampas selepas sidang media khas Ops Tiris 3.0 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

telah dicampur itu kemudian akan dijual sebagai minyak masak terpakai pada harga sekitar RM3.80 sekilogram kepada pihak industri dipercayai untuk kegunaan biodiesel.

"Harga minyak masak bersubsidi adalah RM2.50 sepeket, bila sudah dicampur dengan minyak masak terpakai, sindiket berkenaan boleh jual antara RM3 hingga RM3.80 sekilogram.

"Jadi, kita anggarkan sindiket yang dikesan telah beroperasi sejak enam bulan lalu itu mampu mengaut keuntungan kira-kira RM20,000 sehari hasil daripada penyeleweng minyak masak yang dilakukan," ujarnya.

Beliau menjelaskan, selain rampasan minyak masak, pihaknya turut menyita beberapa peralatan lain yang digunakan untuk menjalankan kegiatan haram itu seperti hos penyambung, pam bermotor, telefon bimbit dan beberapa buah tangki IBC, tiga buah lori serta sebuah kereta mewah yang secara keseluruhan dianggarkan berjumlah RM429,850.

Katanya lagi, seramai 15 individu terdiri daripada 11 lelaki warga asing dan empat lelaki tempatan berusia lingkungan 25 hingga 45 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Mahkamah Majistret Kajang telah meluluskan permohonan reman bagi kesemua individu yang ditahan itu selama empat hari bermula semalam sehingga 16 November," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) bagi menegah pasti individu lain yang terlibat dalam aktiviti haram ini serta rantaian pengedaran minyak masak terbabit.

Pada masa sama, beliau turut memberi amaran bahawa tindakan tegas bakal diambil termasuk menggantung dan membatalkan lesen mana-mana individu atau syarikat sekiranya didapati melakukan kesalahan sehingga menyebabkan berlakunya ketirisan minyak masak bersubsidi.

Pemandu lori seleweng diesel, jual kepada sindiket

IPOH – Segelintir pemandu lori di Batu Gajah dikesan menyeleweng minyak diesel kenderaan berat milik syarikat tempat mereka bekerja dengan menjualnya kepada pihak sindiket pada harga RM2 seliter.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, aktiviti penyelewengan itu dibanteras menerusi Ops Tiris 3.0 yang dilaksanakan di sebuah premis melombong pasir di Jalan Gopeng Batu 3, Batu Gajah kelmarin.

Katanya, operasi yang dilakukan kira-kira-pukul 7.30 pagi itu adalah hasil maklumat orang awam dan risikan selama dua minggu di sekitar Batu Gajah.

"Mengikut maklumat, disyaki pemandu-pemandu lori yang tidak amanah ini akan menjual minyak diesel lori syarikat tempat mereka bekerja dengan harga RM2 kepada pihak sindiket kira-kira sebulan lalu.

"Ia dilakukan dengan menyedutnya dari tangki asal lori



ANGGOTA penguat kuasa KPDN Perak memeriksa tangki di dalam sebuah lori yang digunakan bagi menyeleweng diesel di sebuah premis di Batu Gajah kelmarin.

mereka menggunakan pam serta hos masuk ke dalam tangki asal lori sindiket dan terus ke tangki tambahan yang disembunyikan di atas lori," katanya di sini semalam.

Ujar Kamalludin, pihak sindiket kemudiannya akan menjual kepada syarikat pelombong pasir dengan harga RM2.80 seliter untuk kegunaan jentera

melombong pasir.

Katanya, ketika serbuan di tempat kejadian, pemandu lori sedang memindahkan minyak diesel dari tangki tambahan menggunakan pam penyedut ke dalam beberapa bekas untuk kegunaan di tapak pelombongan pasir.

"Mereka buat untung atas angin tanpa modal," jelasnya.

KPDN serbu kilang hasil aduan pemilik cap dagang

Pes udang tiruan RM50,000 dirampas

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

KLANG — Kegiatan haram sebuah kilang disyaki menjual pes udang tiruan di Taman Perindustrian Pandamaran di sini, mengundang padah apabila diserbu pihak berkuasa, kelmarin.

Serbuan kira-kira pukul 12 tengah hari itu dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor yang membawa kepada rampasan mencecah RM50,000.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN negeri, Mohd. Khairi Jamaludin berkata, operasi itu dijalankan hasil aduan wakil pemilik cap dagang berdaftar mengenai terdapat aktiviti tersebut.

Jelas beliau, siasatan awal mendapati premis itu menjual pelbagai barang mentah sejuk beku termasuk pes udang disyaki menggunakan cap dagang palsu.

"Pemeriksaan lanjut kemudian menemukan pes itu yang turut dibuat pengesahan awal oleh oleh wakil cap dagang ketika serbuan.

"Tindakan sitaan dilakukan ke atas sebanyak 7,860 unit barang yang dianggarkan RM50,000."



PES udang tiruan yang dirampas dalam serbuan itu di Taman Perindustrian Pandamaran, Klang kelmarin.

katanya semalam.

Menurut Mohd. Khairi, seorang lelaki berusia 27 tahun dipercayai pekerja stor premis itu turut disiasat pihaknya dan kesalahan dilakukan mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

"Jika sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman denda

tidak lebih RM15,000 bagi setiap barang maksimum RM30,000 untuk kesalahan berikutnya," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya juga sedang mengesan pemilik premis itu bagi membantu siasatan dan tidak berkompromi menguatkuaskan undang-undang terutama melibatkan harta intelek.

KOSMO! JUMAAT 15 NOVEMBER 2024



ARMIZAN menunjukkan rampasan barang untuk memproses minyak masak bersubsidi selepas sidang akhbar Op Tiris di KPDN Putrajaya semalam.

Beli minyak masak peket, campur minyak terpakai

'Syarikat kaut untung RM20,000 sehari'

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Beli minyak masak peket bersubsidi daripada syarikat pembungkus, kemudian dicampur dengan minyak masak terpakai sebelum dijual pada harga yang lebih tinggi.

Itu modus operandi sindiket yang berjaya dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi serbuan Op Tiris dijalankan secara berasingan di sebuah rumah di Taman Kajang Jaya, Kajang dan premis perniagaan di Bandar Rinching, Semenyih pada Selasa lalu.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, serbuan kira-kira pukul 12 tengah hari sehingga tengah malam itu dilakukan oleh pasukan penguat kuasa KPDN selepas menerima aduan awam mengenai kegiatan sindiket disyaki terlibat aktiviti penyelewengan minyak masak peket.

Menurutnya, pemeriksaan dilakukan ke atas kedua-dua premis itu berjaya menemukan anggaran 14,340 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi pelbagai jenama yang telah dipotong bungkus dan disimpan di dalam tangki jenis *intermediate bulk container* (IBC).

"Serbuan pertama melibatkan sebuah kediaman yang disyaki telah dijadikan sebagai stor haram untuk menjalankan kegiatan memotong minyak masak peket satu kilogram bersubsidi dan dimasukkan ke dalam tong simpanan."

"Minyak masak yang telah dipotong dan dikumpul itu kemudiannya akan dihantar ke sebuah premis perniagaan yang membeli dan menjual minyak masak terpakai.

"Di situ, minyak masak berkenaan akan dicampur dengan minyak masak terpakai," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Armizan berkata, premis perniagaan itu disyaki berselindung di sebalik perniagaan membeli dan menjual minyak masak terpakai dengan menjadikannya sebagai lokasi pengumpulan dan pengedaran minyak masak tanpa lesen sah.

Jelasnya, minyak masak yang telah dicampur itu kemudiannya akan dijual sebagai minyak masak terpakai pada harga sekitar RM3.80 sekilogram kepada pihak industri dipercayai untuk kegunaan biodesel.

"Harga minyak masak bersubsidi adalah RM2.50 sepeket, bila sudah dicampur dengan minyak masak terpakai, sindiket berkenaan boleh jual antara RM3 hingga RM3.80 sekilogram."

"Jadi, kita anggarkan sindiket yang dikesan telah beroperasi sejak enam bulan yang lalu itu mampu mengaut keuntungan kira-kira RM20,000 sehari hasil daripada penyelewengan itu," jelasnya.

RINGKAS

Minyak masak paling banyak diseludup

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengakui minyak masak adalah barang keperluan asas yang paling banyak diseludup ke Thailand.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, ini berikutan permintaan yang tinggi daripada penduduk negara jiran berkenaan memandangkan barang keperluan asas itu dijual pada harga yang jauh lebih mahal berbanding di Malaysia.

“Oleh itu, KPDN sentiasa menjalankan risikan dan bekerjasama dengan Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi mengekang aktiviti penyeludupan ini,” katanya selepas memeriksa bekalan barang keperluan di Wakaf Bharu di sini, semalam.

Sementara itu, diminta mengulas mengenai sama ada pemborong dan peruncit terlibat bersubahat dalam kes penyeludupan ini, Azman berkata KPDN akan menyiasat perkara berkenaan. - Bernama

Rampas lebih 3,500 telekung jenama tiruan

Batu Pahat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor merampas lebih 3,500 telekung disyaki tiruan dalam serbuan di sebuah rumah dekat Rengit di sini, 5 November lalu.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, serbuan kira-kira jam 11 pagi itu dilakukan di rumah yang dipercayai dijadikan stor penyimpanan barang jenama terkenal yang disyaki tiruan oleh pejabat KPDN cawangan Batu Pahat.

Beliau berkata, tindakan diambil berikutan aduan diterima daripada pemilik cap dagang berkenaan dan pihaknya mengambil masa selama dua minggu bagi pemantauan serta risikan.

"Hasil serbuan, kita merampas dan menyita semua barang disyaki tiruan iaitu sebanyak 3,585 telekung pelbagai warna, 700 'woven beg' dan 100

kotak menggunakan label pelbagai warna bernilai hampir RM126,775.

"Tindakan kes diambil di bawah Seksyen 102 Akta Cap Dagangan 2019 bagi tujuan siasatan lanjut. Kita turut menahan seorang wanita berusia 37 tahun," katanya.

Beliau berkata, hasil siasatan awal mendapati wanita tempatan yang ditanah itu adalah pemilik perniagaan.

"Syarikat terbabit sudah beroperasi sejak dua tahun dan bergerak aktif melalui penjualan dalam talian kepada pelanggan selain pembelian secara terus dari rumah," katanya.

Lilis Saslinda berkata, berdasarkan rekod bagi 2024 termasuk tindakan kes terbabit, pejabat KPDN cawangan Batu Pahat sudah mengambil tindakan sebanyak empat kes di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan jumlah nilai rampasan RM150,155.



ANGGOTA KPDN Negeri Johor merampas lebih 3,500 telekung jenama terkenal yang disyaki tiruan.

Beli baru, jual terpakai...

Putrajaya: Beli minyak masak peket satu kilogram (kg) daripada syarikat pembungkus pada skala besar sebelum dipindahkan ke dalam tangki dan dijual semula sebagai minyak masak terpakai pada harga lebih tinggi ke seluruh negara.

Minyak masak itu dibeli pada harga subsidi RM2,50 sebelum diproses menjadi minyak masak terpakai dan dijual kepada industri pada harga RM3.80 bagi satu kg.

Itu modus operandi dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarjana Hidup (KPDN) hasil serbuan di dua premis di Taman Kajang Jaya dan Bandar Rinching, Selasa lalu.

Menteri KPDN Datuk Armizan Mohd Ali berkata, dalam serbuan jam 1.30 tengah hari itu, 11 warga asing dan empat rakyat tempatan berusia antara 25

hingga 45 tahun ditahan selepas pihaknya menemui 14,340 kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama bernilai RM429,850.

"Pasukan serbuan menyelar lokasi pertama iaitu sebuah rumah kediaman yang disyaki dijadikan stor haram untuk menjalankan kegiatan memotong minyak masak peket satu kg bersubsidi sebelum dikumpulkan dan dihantar ke premis yang membeli dan menjual minyak masak terpakai di Semenyih, Selangor.

"Bekalan minyak masak bersubsidi itu dipercayai diperoleh daripada pemborong di Lembah Klang dan beberapa lokasi lain yang sedang dikenal pasti," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Armizan berkata, susulan itu, pihak berkuasa menyelar sebuah premis perniagaan yang menjalankan

aktiviti menjual dan membeli minyak masak terpakai di Bandar Rinching.

Katanya, premis terbabit disyaki berselindung di sebalik perniagaan membeli dan menjual minyak masak terpakai dengan menjadikannya sebagai tempat pengumpulan dan pengedaran minyak masak tanpa lesen yang sah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

"Serbuan juga menemui beberapa peralatan lain yang digunakan untuk melakukan kegiatan haram ini seperti hos penyambung, pam bermotor, telefon bimbit dan beberapa tangki IBC.

"Pasukan serbuan berlindung menyita minyak masak terbabit termasuk peralatan yang digunakan, tiga lori, sebuah kereta mesra dan beberapa dokumen perniagaan berkaitan," katanya.



ARMIZAN (kiri) melihat barang yang dirampas ketika Ops Tiris 3.0 Penyelewengan Minyak Masak Bersubsidi di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KPDN Selangor gempur premis jual pes udang berjenama tiruan

KLANG - Sebuah kilang diserbu pihak berkuasa selepas dikesan menggunakan cap dagang palsu di Taman Perindustrian Pandamaran, Pelabuhan Klang.

Ketua Pegawai Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, pihaknya bersama wakil pemilik cap dagang bertindak menyerbu premis berkenaan jam 12 tengah hari pada Rabu.

Beliau berkata, operasi dibuat berdasarkan aduan terdapat aktiviti mencurangkan melibatkan cap dagangan mengikut Perlindungan Harta Intelek.

Menurut Mohd Khairi, berdasarkan makluman awal, pengadu mengesyaki terdapat barang mentah sejuk beku

jenis pes udang menggunakan cap dagang palsu.

"Susulan maklumat diterima, KPDN Selangor bersama lapan anggota dan dua wakil pemilik cap dagang menyerbu premis terbabit.

"Hasil pemeriksaan menemukan barang mentah sejuk beku jenis *Shrimp Paste* disyaki tiruan dalam milikan premis untuk tujuan perdagangan.

"Pengesahan awal terhadap barang disyaki tiruan dibuat wakil pemilik cap dagang dan tindakan sitaan dilakukan membabitkan 7,860 unit barang dengan anggaran nilai rampasan mencecah RM50,000," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mohd Khairi berkata, pemeriksaan menyeluruh dilakukan dan menahan seorang individu lelaki berusia 27 tahun dipercayai pekerja stor.

"Siasatan lanjut akan dilakukan termasuk mengesan pemilik premis berkenaan.

"Ini adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 dan boleh didakwa di mahkamah," ujarnya.



Anggota KPDN Selangor memeriksa produk pes udang menggunakan cap dagang palsu di Taman Perindustrian Pandamaran, Klang.

**MEJA
BULAT**
Diskusi Mencipta Resolusi

SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA:
SELEPAS 60 TAHUN,
DI MANA SILAPNYA?

Pemandu lori dicekup jual diesel subsidi



Anggota penguat kuasa KPDN Perak memeriksa beberapa bekas digunakan untuk mengisi diesel ketika Ops Tiris 3.0 di Batu Gajah.

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya mematahkan kegiatan menjual diesel bersubsidi kepada sindiket di sebuah premis melombong pasir di Jalan Gopeng Batu 3, Batu Gajah.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, hasil maklumat dan risikan dijalankan selama dua minggu, pihaknya melancarkan Ops Tiris 3.0 kira-kira jam 7.30 pagi pada Rabu.

Menurutnya, berdasarkan maklumat diperoleh, pemandu lori disyaki menjual diesel milik syarikat dengan harga RM2 seliter kepada pihak sindiket sebelum dijual semula kepada syarikat melombong pasir dengan harga RM2.80 seliter.

"Ketika seruan, pemandu lori

sedang memindahkan diesel dari tangki tambahan menggunakan pam penyedut ke beberapa bekas untuk kegunaan jentera di tapak perlombongan pasir.

"Hasil pemeriksaan menemui anggaran 1,725 liter cecair disyaki diesel dalam dua tangki fiber berkapasiti 1,000 liter di dalam lori tanpa sebarang permit atau lesen barang kawalan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kamalludin berkata, susulan itu, dua lelaki disyaki pemandu lori dan pemilik premis masing-masing berusia 28 dan 41 tahun ditahan untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, semua cecair, lori dan beberapa peralatan seperti mesin pam serta hos keseluruhannya bernilai RM58,577 disita untuk tindakan selanjutnya.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"KPDN memberikan amaran dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam aktiviti atau sindiket penyelewengan barang kawalan," katanya.



IMBAS UNTUK TONTON VIDEO PENUH

Kaut untung RM20,000 sehari

KPDN tumpaskan sindiket seleweng minyak masak peket bersubsidi

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Tindakan sindiket menyelweng minyak masak peket bersubsidi dan dijual sebagai minyak masak terpakai pada harga lebih tinggi berjaya ditumpaskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Menurutnya, Datuk Armizan berkata, pihaknya menerima aduan daripada orang awam sehingga membawa kepada tangkapan 15 orang termasuk empat lelaki tempatan dalam dua serbuan berasingan di Selangor pada Selasa lalu.

Jelasnya, sindiket yang diisyaki beroperasi selama enam bulan tersebut membeli minyak masak peket satu kilogram (kg) secara pukal daripada beberapa pembungkus pada harga RM2.50 dan mencampurkan minyak itu dengan minyak masak terpakai sebelum dijual semula pada harga RM3.80 hingga RM5 se-kilogram.

"Kami percaya sindiket ini mengaut keuntungan sehingga RM20,000 sehari. Bayangkan betapa lumayannya industri gelap ini...minyak terpakai ini boleh diproses menjadi biodiesel. Terdapat permintaan tinggi bukan sahaja dalam negara, juga dari negara jiran," katanya menerusi sidang akbar khas Op Tiris 3.0.



Armizan (kanan) menunjukkan barang rampasan ketika sidang media khas Op Tiris 3.0 mengenai penyelewengan minyak masak bersubsidi di KPDN pada Khamis.

di sini pada Khamis.

Menurutnya, bungkusan minyak masak subsidi itu dipotong di sebuah rumah di Taman Kajang Jaya untuk dikumpulkan di dalam tong simpanan.

"Hasil serbuan yang dilakukan menemukan anggaran 14,340kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama dalam keadaan telah dipotong bungkusan dan dikumpulkan dalam tangki Intermediate Bulk Container.

"Pasukan serbuan menyita kesemua minyak masak terbabit termasuk peralatan yang digunakan iaitu tiga buah lori, sebuah kereta dan beberapa dokumen perniagaan berkaitan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM429,850.

"Kesemua tahanan direman selama empat hari sehingga Sabtu ini," ujarnya.

Beliau berkata, kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenal pasti mana-mana individu dan syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti haram ini serta rantaian pengedaran mi-

nyak masak terbabit.

"Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak masak," katanya.

Dalam pada itu, Armizan memberi amaran akan mengambil tindakan tegas termasuk tindakan penggantungan dan pembatalan lesen ke atas mana-mana individu atau syarikat sekiranya didapati melakukannya kesalahan sehingga menyebabkan ketirisan bekalan minyak masak.

"Ada syarikat yang didapati bersalah sebelum ini telah dikenakan tindakan termasuk kuota pembungkusan dikurangkan," katanya.

KPDN tumpas sindiket campur minyak masak peket dengan minyak terpakai

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) menumpaskan sindiket mencampurkan minyak masak peket bersubsidi dengan minyak terpakai untuk dijual pada harga lebih tinggi.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kegiatan itu terbongkar menerusi dua serbuan berasingan ke atas sebuah kediaman di Taman Kajang Jaya serta premis perniagaan Bandar Rincing di Selangor, Selasa lepas.

Beliau berkata, kediaman berkenaan disyaki dijadikan stor untuk menjalankan kegiatan memotong peket minyak masak untuk dikumpulkan dalam tangki Intermediate Bulk Container (IBC) sebelum dihantar ke premis kedua untuk dicampurkan dengan minyak terpakai.

Jelasnya, sindiket yang disyaki beroperasi selama enam bulan tersebut membeli minyak masak peket satu

kilogram (kg) secara pulal daripada beberapa pembungkus pada harga RM2.50 dan mencampurkan minyak itu dengan minyak masak terpakai sebelum dijual semula pada harga RM3.80 hingga RM5 sekilogram.

“Bayangkan betapa lumayananya industri gelap ini..minyak terpakai ini boleh diproses menjadi biodiesel. Terdapat permintaan tinggi bukan sahaja dalam negara, juga daripada negara jiran,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Armizan berkata, setakat ini, 11 lelaki warga asing serta empat warga tempatan berasia antara 25 hingga 45 tahun yang disyaki terlibat ditangkap dan mereka direman hingga Sabtu ini.

Beliau berkata, KPDN turut menyita hampir 15,000 kg minyak masak bersubsidi serta peralatan yang digunakan dengan nilai keseluruhan RM429,850.

Kes disiasat di bawah Akta



ARMIZAN

Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Mengulas lanjut, Armizan berkata KPDN tidak menolak kemungkinan terdapat banyak lagi sindiket yang menggunakan modus operandi itu di seluruh negara.

“Saya ingin sampaikan kepada sindiket-sindiket ini, kita akan bertindak dengan

lebih tegas. Tindakan kita bukan hanya kepada kamu, tetapi juga terhadap pembungkus, pemberong dan peruncit yang terlibat dalam aktiviti ini,” katanya.

Dalam pada itu, Armizan menyeru orang ramai untuk terus menyalurkan maklumat mengenai sebarang aktiviti penyeludupan, penyelewengan atau ketirisan kepada KPDN.

Beliau berkata, keterlibatan orang awam amat penting untuk membanteras aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang bersubsidi dan ini terbukti apabila ia membawa kepada penemuan modus operandi baharu dalam kes ini.

“Serbuan ini adalah hasil partisipasi awam. Ia telah membawa kepada satu kes yang agak besar. Keterlibatan orang ramai membantu KPDN dan kerajaan dalam aspek membanteras ketirisan dan mengawal barang bersubsidi,” katanya. — Bernama

KPDN tumpas sindiket campur minyak masak peket dengan minyak masak terpakai

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menumpaskan sindiket mencampurkan minyak masak peket bersubsidi dengan minyak terpakai untuk dijual pada harga lebih tinggi.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata kegiatan itu terbongkar menerusi dua serbuan berasingan ke atas sebuah kediaman di Taman Kajang Jaya serta premis perniagaan Bandar Rincing di Selangor, Selasa lepas.

Beliau berkata kediaman berkenaan disyaki dijadikan stor untuk menjalankan kegiatan memotong peket minyak masak untuk dikumpulkan dalam tangki Intermediate Bulk Container (IBC) sebelum dihantar ke premis kedua untuk dicampurkan dengan minyak terpakai.

Jelasnya, sindiket yang disyaki beroperasi selama enam bulan tersebut membeli minyak masak peket satu kilogram (kg) secara pukal daripada beberapa pembungkus pada harga RM2.50 dan mencampurkan minyak itu dengan minyak masak terpakai sebelum dijual semula pada harga RM3.80 hingga RM5 sekilogram.

“Bayangkan betapa lumayannya industri gelap ini... minyak terpakai ini boleh diproses menjadi biodiesel. Terdapat pemintaan tinggi bukan sahaja dalam negara, juga daripada negara jiran,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Armizan berkata setakat ini, 11 lelaki warga asing serta empat warga tempatan berusia antara 25 hingga 45 tahun yang disyaki terlibat ditangkap dan mereka dire-

man hingga Sabtu ini.

Beliau berkata KPDN turut menyita hampir 15,000 kg minyak masak bersubsidi serta peralatan yang digunakan dengan nilai keseluruhan RM429,850.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Mengulas lanjut, Armizan berkata KPDN tidak menolak kemungkinan terdapat banyak lagi sindiket yang menggunakan modus operandi itu di seluruh negara.

“Saya ingin sampaikan kepada sindiket-sindiket ini, kita akan bertindak dengan lebih tegas. Tindakan kita bukan hanya kepada kamu, tetapi juga terhadap pembungkus, pemberong dan

peruncit yang terlibat dalam aktiviti ini,” katanya.

Dalam pada itu, Armizan menyeru orang ramai untuk terus menyalurkan maklumat mengenai sebarang aktiviti penyeludupan, penyelewengan atau ketirisan kepada KPDN.

Beliau berkata keterlibatan orang awam amat penting untuk membanteras aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang bersubsidi dan ini terbukti apabila ia membawa kepada penemuan modus operandi baharu dalam kes ini.

“Serbuan ini adalah hasil partisipasi awam. Ia telah membawakepadasatukesyang agak besar. Keterlibatan orang ramai membantu KPDN dan kerajaan dalam aspek membanteras ketirisan dan mengawal barang bersubsidi,” katanya. — Bernama

(峇株巴轄13日讯)民宅收藏大量仿冒著名品牌的女性长袍及手提包，直接在住家零售或者在网上售卖，国内贸易及生活成本局执法人员上门突击起获市值逾12万令吉的冒牌货，并扣留一名37岁本地妇女调查。

国内贸易及生活成本局峇株巴轄分局执法人员，于上周二（5日）上午约11时，突击检查峇株巴轄龙引一间充作货仓的民宅，现场搜获仿冒著名品牌Siti Khadijah (SK) 的女性祈祷长袍 (telekung) 及手提包。

住家藏逾12萬冒牌貨 內貿局突擊捕1婦女

柔佛州国内贸易及生活成本局主任丽丽丝莎斯琳达今日发文告指出，该局是接获有关商标持有人的投诉，经过两星期明查暗访后，派出4名执法人员展开取缔。

“执法人员起获市值12万8775令吉的冒牌货，包括3585件各种颜色的女性祈祷长袍、700个编织手提包，以及100个印有SK标志

的各种颜色盒子。”

她说，该局援引2019年商标法令102条文展开调查。

2年前開始運作

她也指出，一名37岁本地妇女被扣留，根据该当初步调查，相信对方是业者，该公司自两年前开始运作，除了让顾客直接上门购买外，还通过线上方式销售。

另外，丽丽丝莎斯琳达说，包括上述案件，国内贸易及生活成本局峇株巴轄分局今年为止，已援引2019年商标法令针对4起案件采取行动，并充公总值15万零155令吉的冒牌商品。

“柔佛州国内贸易及生活成本局将继续与商标持有人及其他机构合作，维护消费人权益及相关工业的智慧产权。”

她警告商家勿售卖冒牌货，同时提醒消费者进行网购时，提高警惕，以免买到冒牌货。

公众如发现任何违法活动，可以联络1800-886-800或执法指示中心（03-88826245/6088）、WhatsApp至019-2794317、电邮至e-aduan@kpdn.gov.my、使用手机应用程序（EZ ADU），或直接到柔佛州各地贸消局投报。



■国内贸易及生活成本局执法人员突击峇株巴轄龙引一间民宅，起获仿造著名品牌的女性祈祷长袍。

HARI: JUMAAT

TARIKH: 15/11/2024

M/SURAT: 2



■ 疑是工厂员工的本地男子配合执法人员搜查行动，当局正追查工厂业者。

雪内貿局取締工廠 充公7860瓶冒牌蝦醬

(吉隆坡14日讯) 国内贸易及生活成本部(KPDN)雪州分局突击取缔冷冻食品工厂，充公7860瓶，市值5万令吉的冒牌虾酱。

国内贸易及生活成本部(KPDN)雪州分局是在接获注册商家投诉后，昨午前往位于巴生港口的班达马兰工业区一家工厂展开取缔行动。

该分局执法主任莫哈末凯里说，共有8位执法人员联同2位商标持有商家代表，突击该间售卖各类冷冻食品的工厂，投诉人怀疑该厂使用了假冒的冷冻虾酱。

他说，在行动中，执法人员在该间工厂内，寻获将作为商业用途及疑是假冒的冷冻虾酱，充公了7860瓶，总值5万令吉的商品。

他指出，执法人员也针对该厂进行搜查，发现一位年约27岁的本地男子，相信该男子是工厂员工，当局如今正调查工厂业者。



■ 分局在一間冷冻食品工厂，(KPDN)起获雪州瓶假冒某商标的冷冻虾酱。

他说，根据2019年商标法令102 (1) (i) 条文下，一旦罪成相关组织公司可根据每一件错误使用注册商标的产品，被罚款不超过1万5000令吉。

“对于第二个或其余的违例，每一件错误使用注册商标的产品可被罚款不超过3万令吉。”



霹靂國內貿易及生活費局經過兩周埋伏，搗破在華都牙也的津貼柴油走私活動。（霹靂內貿局提供）

霹靂內貿局埋伏兩週 搗破走私柴油集團

（怡保14日讯）霹靂州國內貿易及生活費局在華都牙也經過兩周埋伏，搗破羅里司機把自家公司柴油以每公升2令吉的價格轉售給犯罪集團，該集團再以2令吉80仙轉卖给一家采砂廠活動，並充公了總值5萬8577令吉75仙的1725公升津貼柴油、羅里及其他物品，同時扣留羅里司機及業主以協助調查。

霹靂州國內貿易及生活費局局長拿督卡馬魯丁今日發文告指出，執法組于昨早約7時30分，在華都牙也務邊3英里路的一家采砂廠展開“填補漏洞行動3.0”，以打击該廠涉嫌濫用和走私津貼柴油的活動。

他表示，本次行動是當局情報小組根據公共情報，在華都牙也一帶進行長達兩個星期的情報收集結果。根據情報，懷疑羅里司機以每公升2令吉的價格，把自家公司柴油非法轉賣給犯罪集團。

他說，羅里司機通過使用泵浦設備，將柴油從自家羅里的原油箱轉移到犯罪集團羅里的原油箱，再直接灌入隱藏在羅里上的額外油箱。

“犯罪集團隨後以每公升2令吉80仙的價格，將柴油出售給采砂公司，以用于機械開采砂石，該公司出售柴油給犯罪集團已超過1個月。”

他披露，在現場展開突擊時，羅里司機正在使用吸油泵將柴油從隱藏的油箱轉

移到多個容器中，執法人員在檢查時發現，羅里內有兩個容量為1000公升的集裝桶，裝有約1725公升疑似柴油的液體，現場未找到任何有關管制物品的許可證或執照。


充公總值逾5萬柴油及設備

他表示，當局充公了上述疑似柴油的液體、羅里以及其他相關設備包括油泵設備、軟管線等，充公的總價值估計為5萬8577令吉75仙；同時扣留兩名年齡為28和41歲羅里司機和業者的印裔男子，以作進一步調查。

他說，這起案件將根據1961年供應控制法令和1974年供應控制條規進行調查，若罪名成立，個人將會面對不超過100萬令吉罰款或不超過3年監禁或兩者兼施，至于公司則可被罰款不超過200萬令吉。

他強調，當局不會對涉嫌參與管制品走私活動的任何人士妥協，並將採取更严厉的行動，包括提控上庭，當局也將繼續實施“反操縱和泄密行動”，這項倡議是政府的一項戰略舉措，旨在打击統制品走私、遏制電子商務欺詐及打击市場壟斷的情況。

欲向國內及生活費部提供情報，可通過以下管道：WhatsApp 019-279 4317 或019-848 8000；投訴官網 e-aduan.kpdn.gov.my；呼叫中心1-800-886-800；電郵至 e-aduan@kpdn.gov.my；手機應用程式Ez ADU KPDN。



執法人員上門展開行動時，羅里正在將疑似柴油的液體轉移至多個容器中。（霹靂內貿局提供）



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Caj tambahan: Pilihan di tangan pengguna



ANALISIS
MUKA 16

NURFARDLINA IZZATI
MOKTAR

Umum mengetahui setiap restoran atau kedai makan akan mengenakan caj perkhidmatan kepada pelanggan yang hadir makan di dalam premis.

Bagaimanapun, ada juga restoran yang mengenakan caj tambahan lain, selain caj perkhidmatan sehingga mencetuskan perdebatan orang ramai.

Ini kerana tindakan segelintir restoran dan kafe yang mengenakan caj tambahan tersebut dianggap membebankan, malah kemungkinan besar akan menjadi ikutan pula kepada restoran-restoran lain terutama restoran makanan segera atau restoran yang beroperasi 24 jam untuk mengenakan caj sama pada masa akan datang.

La susulan baru-baru ini tular di media sosial sebuah restoran terkenal di Kampung Baru, Kuala Lumpur mengenakan caj RM1 kepada pelanggan yang menggunakan bilik berhawa dingin.

Bagaimanapun, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) tampil menjelaskan bahawa hasil pemeriksaan mendapati restoran tersebut tidak melakukan sebarang kesalahan.

Malah menurutnya, pemeriksaan juga mendapati harga makanan, minuman dan caj tambahan tersebut mematuhi dasar harga terangkum di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti

Pencatutan 2011.

Pemerhatian anggota penguasa turut mendapati notis caj RM1 itu dipamerkan dengan jelas di kawasan pintu masuk dan di cermin bilik berhawa dingin yang mudah dilihat oleh pelanggan.

Katanya, tindakan tersebut dianggap tidak salah kerana pelanggan diberi pilihan untuk menikmati makanan di kawasan yang tiada pendingin hawa tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Tindakan tersebut telah menimbulkan rasa kurang senang segelintir masyarakat. Mereka mendakwa, alasan ‘tidak menjadi kesalahan’ untuk mengenakan caj tambahan tersebut pasti akan digunakan oleh golongan peniaga restoran bagi mewajarkan tindakan itu.

Malah, mereka turut membandingkan restoran-restoran yang memiliki jumlah pengunjung ramai yang tidak pernah mengenakan sebarang caj.

Difahamkan sudah banyak restoran terutama di kawasan tumpuan pelancong yang mengenakan caj tambahan tersebut.

Selain itu caj tambahan di restoran, terdapat juga itu lain yang menjadi kebimbangan orang ramai ketika ini iaitu restoran India Muslim atau mamak dijangka menaikkan harga makanan di premis mereka bermula tahun depan.

Kenaikan harga makanan tersebut dikatakan berikutan peningkatan kos operasi disebabkan kenaikan berterusan harga bahan-bahan mentah.

Memang tidak dinafikan faktor tersebut, namun ia bukan alasan untuk golongan peniaga menaikkan harga makanan yang dijual hampir setiap tahun.

Pengusaha restoran sebelum ini dilaporkan sudah menaikkan harga

“

Kita mempunyai pilihan untuk tidak makan di restoran yang mengenakan caj tambahan. Gunakan kuasa dan hak sebagai pengguna dengan berilah kepada restoran dan premis makanan yang masih meletakkan harga munasabah serta berpatut untuk menjamu selera.”

makanan awal tahun ini atas alasan kos operasi terutama bahan mentah yang naik.

Satu lagi alasan yang digunakan adalah susulan pelaksanaan gaji minimum RM1,700 bermula Februari depan.

Justeru, sebagai pengguna, kita perlu menjadi pengguna yang bijak. Kita mempunyai pilihan untuk tidak makan di restoran yang mengenakan caj tambahan.

Gunakan kuasa dan hak sebagai pengguna dengan berilah kepada restoran dan premis makanan yang masih meletakkan harga munasabah serta berpatut untuk menjamu selera dan membeli makanan atau boikot sahaja restoran yang menawarkan harga makanan mahal.

Atau lebih baik terutama bagi yang berkeluarga, makan sahaja di rumah kerana kos memasak di rumah jauh lebih menjimatkan berbanding makan di luar. Selain itu, kebersihan makanan juga terjamin dan hati juga rasa tenang kerana tak perlu memikirkan pelbagai caj jika makan di luar.

*Nurfardlina Izzati Moktar ialah wartawan Sinar Harian Terengganu



Jambatan LLC Kaiduan siap dalam masa terdekat

PAPAR: Kerja menaik taraf Jambatan Low Level River Crossing (LLC) Kg Ulu Kaiduan yang bermula sejak 26 Ogos lalu, dijangka siap dalam masa terdekat.

Menurut Ahli Parlimen Papar Datuk Armizan Mohd Ali, jambatan sepanjang 36 meter dengan kos RM600,000 itu akan memberi manfaat kepada kira-kira 2,000 orang penduduk di Kaiduan serta penduduk sekitar seperti Kg Bisuung dan Kg Bolotikon.

"Paling penting yang selama ini amat dinantikan oleh penduduk Kg Kaiduan khususnya adalah Low Level River Crossing (LLC) yang kini dinai taraf akan siap dalam masa terdekat."

"Sebelum ini, LLC yang sedia ada masih digunakan namun jika hujan lebat air pasang maka penduduk kampung tidak dapat melalui LLC tersebut sebab diaiaki air."

"Namun, selepas ini dengan LLC yang sudah dinai taraf apa juga keadaan cuaca, penduduk di kawasan Bisuung, Kaiduan, Bolotikon boleh melalui LLC tersebut untuk ke jalan utama tanpa sebarang masalah," ujarnya kepada media selepas meninjau 16 projek di bawah Program Kampung Angkat Madani di Kg Kaiduan dekat sini.

Selain itu, Armizan yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak memaklumkan, empat projek telah pun siap sepenuhnya manakala, empat projek kini mencapai lebih 80 peratus



ARMIZAN ketika bercakap kepada media.



JUIL semasa ditemui media.

dan baki lapan projek lagi masih dalam peringkat pembinaan termasuk projek-projek tambahan.

"Di sini, kita telah menggariskan 16 projek fizikal dan daripada tempoh pelaksanaan sehingga sekarang.

"Saya ingin umumkan bahawa sebanyak empat projek telah pun siap sepenuhnya, empat projek lagi dalam pelaksanaan 80 peratus ke atas dan baki sebanyak lapan projek lagi masih dalam peringkat pembinaan termasuk projek-projek tambahan.

"Sebahagian besar projek-projek awal tersebut yang berskala besar juga bergerak mengikut jadual, tidak memerlukan program tambahan. Jadi, kita senaraikan projek-projek kecil baharu seperti pemasangan lampu solar dan sebagainya," jelas beliau.

Tambah Armizan, beberapa lagi projek turut disenaraikan antaranya, pembinaan dewan terbumu, surau serta jambatan

dengan hasrat kerajaan menaikkan pendapatan masyarakat luar bandar dari segi perekonomian," kata beliau.

Turut menarik perhatian Armizan ialah projek bina baru jambatan gantung sejauh 100 meter di sebelah Sekolah Kebangsaan Kaiduan di bawah Program Kampung Angkat Madani yang bermula sejak 29 Ogos lalu, kini mula digunakan lebih 100 orang murid dan 13 guru serta ibu bapa di sekolah rendah terbabit.

Sementara itu, ADUN Limbahau Datuk Juil Nutam menzhahirkan rasa syukur dan menyifatkan penyuluran peruntukan daripada kementerian berkewajibhan menunjukkan komitmen kerajaan kepada masyarakat di luar ban-



JLC Kg Ulu Kaiduan yang dinai taraf akan siap dalam masa terdekat.

gan keadaan sekolah ini tetapi sekarang bangunannya setara dengan bangunan bandar yang lengkap dengan dewan dan surau yang sele-sa," katanya.

Kg Kaiduan dipilih sebagai Kampung Angkat Madani Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak menerusi Program Kampung Angkat Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 24 Mei lepas.-PENERANGAN.



JABATAN PENERANGAN
MALAYSIA

TINJAU...Armizan (tiga dari kanan) diliring Juil (lima dari kiri) meninjau jambatan baharu di Kg Kaiduan.



CUBA...Armizan (tengah) meninjau jambatan gantung yang dibina baharu di sebelah SK Kaiduan.



JAMBATAN Gantung baharu sebelah SK Kaiduan kini memberi manfaat kepada warga SK Kaiduan serta para ibu bapa.



(Front, from left) Galong is seen with express boat operator Theng Nan Hoi and others at the meeting.

Kapit-Belaga express boat services to resume tomorrow



James Ling

james@theborneopost.com

KAPIT: Express boat services on the Kapit-Belaga route will resume tomorrow (Nov 16) after being suspended in January.

Kapit Resident Galong Luang said the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) had approved 14,000 litres of diesel at a subsidised rate of RM1.89 per litre from Oct 15, 2024 to Oct 14, 2025 for the service.

"It is necessary to resume the express boat service because the proposed 'Jiwa Murni road' is yet to be completed. For the past one year, travellers have had no choice but to drive from Kapit to Sibu, then Bintulu to Sungai

Asap and Belaga, which is about 10 hours' drive.

"Driving across Kapit, Sibu and Bintulu divisions is not only fuel consuming, but also a very tiring journey. The cost of fuel is about RM200 for Kapit to Belaga return," he explained after chairing a meeting on the resumption of the service on Wednesday.

The express boat service will leave Kapit for Belaga at 10am tomorrow and it is expected to reach Belaga around 3pm.

On Sunday, it will depart from Belaga at 7am and is expected to arrive around noon here.

The service will continue daily alternately from either Kapit or Belaga. The distance between Kapit and Belaga on the Rajang River is 174km.

The express boat will stop to pick up passengers from 78

longhouses, eight schools, two clinics, Nanga Merit, Nanga Pila (trading post), Punan Bah, Long Segaham, and Belaga Bazaar.

Tickets will be priced at RM25 for the Kapit-Nanga Merit leg, RM35 for Kapit-Nanga Pila, RM40 for Kapit-Punan Bah, and RM55 for Kapit-Belaga.

Based on 2021 population statistics, there are some 18,000 villagers living on the banks of the Rajang River between Kapit and Belaga.

When contacted, Penghulu George Tang praised the government for reinstating the diesel subsidy, which would enable the express boat service resume.

"The express boat service is resumed to serve the people. There are many benefits since the express boat provides a cheaper and convenient mode of transport," he said.

Perkhidmatan bot ekspres Kapit-Belaga disambung semula bermula 16 November

KAPIT: Perkhidmatan bot ekspres di laluan Kapit-Belaga akan disambung semula pada Sabtu ini selepas ham-pir setahun digantung sejak Januari lalu.

Residen Bahagian Kapit Galong Luang berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah meluluskan subsidi diesel sebanyak 14,000 liter pada harga RM1.89 seliter, yang akan diberikan bermula 15 Oktober 2024 hingga 14 Oktober 2025 khusus untuk perkhidmatan bot ekspres ini.

“Kita perlu menyambung semula perkhidmatan ini kerana jalan ‘Jiwa Murni’ yang dirancang masih belum siap sepenuhnya.

“Sejak perkhidmatan bot



GALONG

ekspres dihentikan, penduduk terpaksa memandu dari Kapit ke Sibu, seterusnya ke Bintulu dan Sungai Asap untuk sampai ke Belaga, yang memakan masa sekitar 10

jam,” katanya.

“Perjalanan panjang ini bukan sahaja memerlukan banyak bahan api tetapi juga meletihkan, dengan kos anggaran bahan api sekitar RM200 untuk perjalanan pergi-balik Kapit-Belaga,” kata beliau di sini, kelar-

marin.

Perkhidmatan bot ekspres dijadualkan bertolak dari Kapit pada jam 10 pagi dan tiba di Belaga sekitar jam 3 petang.

Pada hari Ahad, bot ekspres akan bertolak dari Belaga jam 7 pagi dan dijangka tiba di Kapit sekitar jam 12 tengah hari.

Perkhidmatan ini akan diteruskan setiap hari secara bergilir-gilir sama ada dari Kapit atau Belaga.

Jarak perjalanan bot ekspres sepanjang Sungai Rajang antara Kapit dan Belaga adalah sejauh 174 kilometer.

Bot ekspres ini akan berhenti di beberapa lokasi untuk mengambil penumpang, termasuk 78 rumah panjang, lapan sekolah, dua klinik, Nanga Merit, Nanga Pila, Punan Bah, Long Segaham dan pekan Belaga.

Harga tiket perkhidmatan ini adalah RM25 bagi perjalanan Kapit ke Nanga Merit, RM35 ke Nanga Pila, RM40 ke Punan Bah dan RM55 ke Belaga.

Berdasarkan statistik 2021, terdapat kira-kira 18,000 penduduk yang tinggal di tebing Sungai Rajang antara Kapit dan Belaga.



WILAYAHKU

HARI: JUMAAT

TARIKH: 15/11/2024

M/SURAT: 3

METRA SYAHRIL MOHAMED

BIARPUN bukan pendekatan popular dalam kalangan rakyat, hasrat Kerajaan MADANI di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pada pertengahan 2025 mampu meningkatkan keadilan sosial.

Demikian ditegaskan Profesor Madya Dr Suryati Ishak dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau melihat subsidi diberikan secara menyeluruh sering kali memberi lebih manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi yang menggunakan lebih banyak bahan bakar.

Untuk itu katanya, dengan menyasarkan subsidi kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, kerajaan dapat memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan sekali gus mengurangkan jurang ketidaksamaan pendapatan.

"Malah menerusi inisiatif Budi MADANI, kerajaan kini komited untuk mengekang aktiviti penyeludupan dan ketirisan subsidi rakyat.

"Seperti di bawah MySubsidy Diesel, Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) merupakan satu platform khusus untuk kenderaan awam dan pengangkutan barang terpilih terus mendapatkan subsidi diesel melalui kaedah "fleet card" ujar beliau kepada Wilayahku.

Beliau berkata kerajaan mengambil langkah untuk memastikan subsidi ini lebih terarah kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Katanya ia juga memastikan golongan warga asing dan peratusan daripada kumpulan pendapatan T15 dalam negara tidak menyalahgunakan tujuan utama pemberian subsidi RON95, kerajaan juga menyasarkan kepada memiliki alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif.

"Selain itu tujuan utama penyelaras subsidi RON95 adalah membantu pengurangan beban fiskal setahun."



SURYATI

Penyasaran subsidi RON95

BUKAN LANGKAH POPULAR TETAPI KEPERLUAN

kerajaan. Harga terkini RON95 di Malaysia adalah RM2.05 dan pada 2023, kerajaan menanggung jumlah subsidi mencecah RM20 billion.

"Dengan menyelaraskan subsidi, beban tanggungan dapat dikurangkan dan diberikan kepada golongan yang layak sekali gus kerajaan dapat menumpukan kepada perbelanjaan yang lebih penting.

"Dana yang dijamin ini boleh digunakan untuk memperkuatkan sektor-sektor penting seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan infrastruktur yang secara langsung memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan," kata beliau.

Beliau memberitahu dengan subsidi yang lebih terarah, rakyat Malaysia akan lebih berhati-hati dalam penggunaan bahan bakar selain dapat mengurangkan pembaziran dan menggalakkan penggunaan bahan bakar secara lebih efisien.

Katanya, pengurangan dalam penggunaan bahan bakar dilihat dapat membantu mengurangkan pencemaran udara dan mempromosikan kelestarian alam sekitar.

"Komitmen negara untuk menggalakkan pembangunan yang mampan dan lestari boleh dilihat melalui kewujudan Dasar Alam Sekitar Negara. Antara tujuannya adalah untuk memastikan generasi masa kini dan masa hadapan memiliki alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif.

"Insentif ekonomi seperti pengenaan cukai dan penyasaran subsidi adalah antara instrumen berkesan untuk memelihara dan



PENYASARAN RON95 membolehkan peruntukan STR dinaikkan.

mematuhi dasar alam sekitar," katanya.

Menurut Suryati, penyelaras RON95 juga dapat meningkatkan daya saing ekonomi negara iaitu dengan mengurangkan kebergantungan kepada subsidi,

penggunaan bahan bakar.

Katanya, ini boleh mendorong perkembangan teknologi hijau dan alternatif yang lebih lestari dalam mencari alternatif sumber bahan bakar fosil.

"Di samping itu, penyelaras subsidi RON95 juga seiring dengan usaha kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi negara

ke arah yang lebih mampan dan berdaya saing. Dengan mengalihkan dana subsidi kepada program-program pembangunan yang lain, kerajaan dapat mempercepatkan usaha ke arah ekonomi digital dan berteknologi tinggi yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya.

30 premis diperiksa dalam Operasi Mega Bersepadu

SIMANGGANG: Sebanyak 30 premis di sekitar Bandar Simanggang telah diperiksa di bawah pelaksanaan Operasi Mega Bersepadu Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Akta 852) bagi peringkat Daerah Sri Aman, baru-baru ini.

Operasi yang telah diadakan oleh pihak Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) Sri Aman di bandar ini telah melibatkan penyertaan empat agensi kerajaan di kawasan Sri Aman.

Empat agensi terbabit adalah Pejabat Daerah Sri Aman, Majlis Daerah Sri Aman (MDSA), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sri Aman dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawa-

ngan Sri Aman.

Melalui pelaksanaan operasi terbabit, pihak agensi yang terlibat telah mengedarkan sebanyak 200 risalah dalam kalangan pemilik premis termasuk para pengguna di situ.

Selain mengedarkan risalah, agensi yang terlibat turut memberi nasihat mengenai pendidikan kesedaran dan advokasi terhadap pemilik premis.

Pelaksanaan operasi berjaya dilaksanakan oleh 15 kakitangan PKB Sri Aman, dua kakitangan Pejabat Daerah Sri Aman, tiga kakitangan MDSA, seorang kakitangan PPD Sri Aman dan empat kakitangan KPDN Sri Aman.

Antara fokus utama operasi adalah mengadakan sesi advo-

kasi bersama pemilik bangunan atau premis perniagaan berkaitan penguatkuasaan Akta 852 di samping mempromosikan pendidikan kepada penduduk khas golongan individu bawah 18 tahun ke bawah.

Sebelum ini, Operasi Bersepadu Peringkat Negeri Sarawak pada 30 Oktober lepas diadakan di Bandaraya Kuching dan dilaksanakan serentak secara berperingkat mengikut kesesuaian bahagian dan daerah di seluruh Sarawak.

Untuk makluman, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) telah diwartakan pada 2 Februari 2024 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2024.



TELITI..
Anggota PKB dan agensi yang terlibat memeriksa sebuah premis dalam Operasi Mega Bersepadu Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Akta 852) di Bandar Simanggang, baru-baru ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 NOVEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Nov	KPDN lantik lebih 2,000 peruncit, pemborong untuk pastikan bekalan hadapi MTL	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-lantik-lebih-2000-peruncit-pemborong-untuk-pastikan-bekalan-hadapi-mlt-496364	ASTRO AWANI
15-Nov	KPDN lantik lebih 2,000 peruncit, pemborong untuk pastikan bekalan hadapi MTL	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2363409	BERNAMA RADIO
15-Nov	Lebih 1,000 peruncit dilantik simpan stok bekalan keperluan sepanjang MTL	https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/lebih-1000-peruncit-dilantik-simpan-stok-bekalan-keperluan-sepanjang-mlt/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
15-Nov	Over 2,000 retailers, wholesalers appointed to ensure essential supplies during monsoon - KPDN	https://thesun.my/malaysia-news/over-2000-retailers-wholesalers-appointed-to-ensure-essential-supplies-during-monsoon-kpdn-LI13288254	THE SUN
15-Nov	Polis Johor rampas 27,200 liter minyak diesel bersubsidi bernilai RM78,880	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-johor-rampas-27200-liter-minyak-diesel-bersubsidi-bernilai-rm78880-496322	ASTRO AWANI
15-Nov	Polis marin rampas 27,200 liter diesel RM296,880	https://malaysiagazette.com/2024/11/14/polis-marin-rampas-27200-liter-diesel-rm296880/	MALAYSIA GAZETTE

15-Nov	Polis bongkar aktiviti seleweng minyak diesel bersubsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/696625/berita/semasa/polis-bongkar-aktiviti-seleweng-minyak-diesel-bersubsidi	SINAR HARIAN
15-Nov	Domestic Trade Ministry busts Selangor syndicate reselling subsidised and used cooking oil mix at marked-up prices	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/11/14/domestic-trade-ministry-busts-selangor-syndicate-for-reselling-subsidised-and-used-cooking-oil-mix-at-marked-up-prices/156877#google_vignette	MALAY MAIL
15-Nov	Kaut untung dengan beli minyak masak paket, jual sebagai minyak terpakai	https://malaysiaga-zette.com/2024/11/14/kaut-untung-dengan-beli-minyak-masak-paket-jual-sebagai-minyak-terpakai/	MALAYSIA GAZETTE
15-Nov	KPDN busts cooking oil syndicate in Selangor	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/11/1134385/kpdn-busts-cooking-oil-syndicate-selangor	NEW STRAITS TIMES
15-Nov	KPDN tumpaskan sindiket seleweng minyak masak paket	https://www.wilayahku.com.my/kpdn-tumpaskan-sindiket-seleweng-minyak-masak-paket/#google_vignette	WILAYAHKU
15-Nov	KPDN busts cooking oil syndicate in Selangor	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-busts-cooking-oil-syndicate-in-selangor-OI13286989	THE SUN

15-Nov	Ministry busts Selangor syndicate for reselling subsidised, used cooking oil mix at marked-up prices	https://www.dailyexpress.com.my/news/246055/domestic-trade-ministry-busts-selangor-syndicate-for-reselling-subsidised-and-used-cooking-oil-mix-at-marked-up-prices/	DAILY EXPRESS
15-Nov	Kaut untung jual minyak masak peket sebagai minyak terpakai	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kaut-untung-jual-minyak-masak-peket-sebagai-minyak-terpakai/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
15-Nov	KPDN rampas 7,860 pes udang tiruan bernilai RM50,000 di Pandamaran	https://selangorkini.my/2024/11/kpdn-rampas-7860-pes-udang-tiruan-bernilai-rm50000-di-pandamaran/	SELANGOR KINI
15-Nov	KPDN tumpas sindiket minyak masak 'gunting', rampas minyak masak paket hampir setengah juta ringgit	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323755/kpdn-tumpas-sindiket-minyak-masak-gunting-rampas-minyak-masak-paket#google_vignette	BERITA HARIAN
15-Nov	Sindiket minyak masak subsidi tumpas, 15 ditanah di Selangor	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-minyak-masak-subsidi-tumpas-15-ditanah-di-selangor-496273	ASTRO AWANI
15-Nov	KPDN tumpas sindiket campur minyak masak peket dengan minyak terpakai	https://www.tvsarawak.my/2024/11/14/kpdn-tumpas-sindiket-campur-minyak-masak-peket-dengan-minyak-terpakai/	TV SARAWAK

15-Nov	Beli minyak masak paket, jual jadi minyak masak terpakai	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/beli-minyak-masak-paket-jual-jadi-minyak-masak-terpakai/	UTUSAN MALAYSIA
15-Nov	Sindiket jual minyak masak peket tumpas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154943/sindiket-jual-minyak-masak-peket-tumpas#google_vignette	HARIAN METRO
15-Nov	Sindiket seludup minyak masak paket bersubsidi tumpas, 15 individu ditahan – Armizan	https://www.buletintv3.my/nasional/sindiket-seludup-minyak-masak-paket-bersubsidi-tumpas-15-individu-ditahan-armizan/#google_vignette	BULETIN TV 3
15-Nov	Beli minyak masak peket, jadi minyak masak terpakai	https://www.kosmo.com.my/2024/11/4/beli-minyak-masak-peket-jadi-minyak-masak-terpakai/#google_vignette	KOSMO
15-Nov	KPDN tumpas sindiket campur minyak masak peket dengan minyak terpakai	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2363201	BERNAMA
15-Nov	[VIDEO] Seleweng minyak masak subsidi, jual sebagai minyak masak terpakai	https://www.sinarharian.com.my/article/696534/berita/semasa/seleweng-minyak-masak-subsidi-jual-sebagai-minyak-masak-terpakai	SINAR HARIAN
15-Nov	KPDN tumpas sindiket campur minyak masak peket dengan minyak terpakai	https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/14/kpdn-tumpas-sindiket-campur-minyak-masak-peket-dengan-minyak-terpakai	UTUSAN BORNEO

15-Nov	KPDN sita 1,725 liter diesel cuba diseleweng	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1323703/kpdn-sita-1725-liter-diesel-cuba-diseleweng	BERITA HARIAN
15-Nov	KPDN sita 1,725 liter diesel cuba diseleweng	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2363107	BERNAMA
15-Nov	Baru sebulan operasi, sindiket seleweng diesel bersubsidi tumpas	https://mgperak.com/baru-sebulan-operasi-sindiket-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas/	MALAYSIA GAZETTE PERAK
15-Nov	Pemandu lori dikesan jual diesel syarikat kepada sindiket RM2 seliter	https://www.sinarharian.com.my/article/696500/berita/semasa/pemandu-lori-dikesan-jual-diesel-syarikat-kepada-sindiket-rm2-seliter	SINAR HARIAN
15-Nov	Pemandu lori seleweng diesel jual kepada sindiket	https://www.kosmo.com.my/2024/11/14/pemandu-lori-seleweng-diesel-jual-kepada-sindiket/	KOSMO
15-Nov	KPDN sita 1,725 liter minyak diesel cuba diseleweng	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sita-1725-liter-minyak-diesel-cuba-diseleweng-496266	ASTRO AWANI
15-Nov	Perak KPDN seizes 1,725 litres of diesel worth RM58,577.75 for subsidy abuse	https://thesun.my/malaysia-news/perak-kpdn-seizes-1725-litres-of-diesel-worth-rm5857775-for-subsidy-abuse-II13285827	THE SUN

15-Nov	Lebih 7,000 pes udang jenama tiruan disita Oleh Nur Syafiqah Mohd Jemmi - 14 November 2024	https://malaysiagazette.com/2024/11/14/lebih-7000-pes-udang-jenama-tiruan-disita/#google_vignette	MALAYSIA GAZETTE
15-Nov	KPDN Selangor rampas pes udang tiruan sejuk beku RM50,000	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1323690/kpdn-selangor-rampas-pes-udang-tiruan-sejuk-beku-rm50000#google_vignette	BERITA HARIAN
15-Nov	KPDN Selangor gempur premis jual pes udang guna jenama tiruan	https://www.sinarharian.com.my/article/696518/berita/semasa/kpdn-selangor-gempur-premis-jual-pes-udang-guna-jenama-tiruan#google_vignette	SINAR HARIAN
15-Nov	Lebih 7,000 pes udang tiruan sejuk beku dirampas bernilai RM50,000	https://www.buletintv3.my/nasional/lebih-7000-pes-udang-tiruan-sejuk-beku-dirampas-bernilai-rm50000/#google_vignette	BULETIN TV 3
15-Nov	Price hike? KPDN to summon Johor mamak operators over proposed 5pc increase	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/11/14/price-hike-kpdn-to-summon-johor-mamak-operators-over-proposed-5pc-increase/156806#google_vignette	MALAY MAIL
15-Nov	Ministry to summon Johor mamak operators over proposed 5pc increase	https://www.dailyexpress.com.my/news/246007/price-hike-kpdn-to-summon-johor-mamak-operators-over-proposed-5pc-increase/	DAILY EXPRESS